



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

KELULUSAN SYARIKAT BEROPERASI SEPANJANG PKP FASA 1 & 2 TERPAKAI SEMASA PKP FASA 3

Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) ingin memaklumkan Kelulusan yang telah diberikan MITI kepada syarikat untuk beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 dan 2 adalah terpakai sepanjang PKP Fasa 3.

Namun, MITI ingin menggalakkan syarikat yang sudah mendapat kelulusan ini, untuk membuat permohonan baharu jika mereka ingin mendapatkan surat kelulusan dengan format baharu yang mempunyai kod QR bagi memudahkan pemeriksaan maklumat syarikat mereka, sekiranya diperlukan Pihak Berkuasa.

Dalam pada itu, MITI turut menjelaskan isu konfigurasi sistem permohonan untuk syarikat beroperasi pada tempoh PKP Fasa 3 yang dipanggil COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 2.0 kini sedang diperhalusi dan dinaiktaraf. Usaha ini dijalankan bersama pihak CyberSecurity Malaysia dan beberapa pakar industri ICT daripada sektor swasta.

MITI menjangkakan sistem permohonan akan dapat diteruskan pada pukul 3.00 petang dan MITI ingin memohon maaf di atas segala kesulitan yang dihadapi syarikat-syarikat di atas kerja-kerja naik taraf konfigurasi sistem sebelum ini.

Walau bagaimanapun, syarikat masih boleh membuat permohonan dan mereka disarankan untuk terus ke pautan ini application.miti.gov.my, dan bukan ke alamat laman web MITI (www.miti.gov.my). Turut dimaklumkan, permohonan syarikat tidak dapat diterima apabila sistem CIMS 2.0 diselenggarakan pada jam 12.00 malam hingga 6.00 pagi setiap hari.

-TAMAT-



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)

Selasa, 14 April 2020, 2.45 petang

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my